



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

Manisah Othman

Ketua Penolong Pengarah, BPPAS

PENGUSAHA KECIL DALAM SEKTOR PERTANIAN

Banci Ekonomi 2011 & 2016: Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana

Perangkaan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana adalah berdasarkan Banci Ekonomi 2011 (Tahun Rujukan 2010) dan Banci Ekonomi 2016 (Tahun Rujukan 2015). Banci Ekonomi (BE) meliputi semua pertubuhan yang terlibat dalam lima sektor ekonomi negara iaitu Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan.



Terdapat 11,628 pertubuhan dalam sektor Pertanian dan daripada jumlah ini sebanyak 10,218 (87.9%) pertubuhan telah dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berbanding 6,708 pada tahun 2010.

Ini meliputi pertubuhan bersaiz Mikro sebanyak 4,863 (47.6%), diikuti pertubuhan bersaiz Kecil sebanyak 4,143 pertubuhan (40.5%) dan bersaiz Sederhana sebanyak 1,212 pertubuhan (11.9%).

Definisi PKS 2010 vs 2015

Saiz PKS	2010		2015	
	Hasil Tahunan	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa	Hasil Tahunan	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa
Mikro	Kurang daripada RM200,000	Kurang daripada 5 pekerja	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5 pekerja
Kecil	Antara RM200,000 dan kurang daripada RM1 juta	Daripada 5 dan kurang daripada 20 pekerja	Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta	Dari 5 hingga kurang daripada 30 pekerja
Sederhana	Antara RM1 juta dan kurang daripada RM5 juta	Daripada 20 dan kurang daripada 50 pekerja	Antara RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta	Dari 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja


Sumber:

Garis Panduan bagi Definisi Baharu PKS, SME Corp. Malaysia, Oktober 2013



Taburan mengikut subsektor


Daripada jumlah keseluruhan 4,143 pertubuhan bagi pengusaha kecil, jumlah pertubuhan tertinggi adalah dalam subsektor Tanaman iaitu 2,828 (68.3%), diikuti Perikanan; 526 (12.7%); Ternakan; 466 (11.2%) dan Perhutanan & pembalakan; 323 (7.8%).



Secara keseluruhan, bilangan pengusaha kecil dalam semua subsektor menunjukkan pertumbuhan tahunan positif berbanding 2010. Sejumlah 4,143 pertubuhan beroperasi di bawah kategori pengusaha kecil dengan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) sebanyak 16.4 peratus berbanding lima tahun yang lalu.

Nilai Output Kasar dan Nilai Ditambah

- Selari dengan majoriti bilangan pertubuhan, subsektor Tanaman adalah penyumbang tertinggi kepada nilai output kasar iaitu 76.4 peratus berbanding keseluruhan nilai output kasar; RM10,674 juta.
- Tren yang sama pada BE 2010 dengan sumbangan subsektor Tanaman sebanyak 66 peratus iaitu RM1,234 juta.



Subsektor	2010		2015	
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan
Jumlah Nilai Ditambah	938	100.0	6,404	100.0
Tanaman	755	80.5	5,575	87.1
Ternakan	65	6.9	393	6.1
Perhutanan & pembalakan	24	2.6	172	2.7
Perikanan	94	10.0	264	4.1

Dilihat pada BE 2015, nilai ditambah bagi subsektor Tanaman juga mendominasi iaitu 87.1 peratus dengan mencatatkan nilai RM5.6 billion manakala selebihnya daripada ketiga-tiga sektor Ternakan, Perikanan dan Perhutanan & pembalakan.



Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Merujuk kepada BE 2015, bilangan pekerja bagi pengusaha kecil dalam sektor pertanian berjumlah 71,425 orang berbanding 24,864 orang pada BE 2010.

Manakala bagi gaji & upah adalah sebanyak RM1,224 juta dicatatkan pada BE 2015 berbanding RM310 juta pada BE 2010.

1

Pekerja bergaji sepenuh masa

BE 2015: 66,154 orang
BE 2010: 23,031 orang

2

Pemilik yang bekerja & pekerja keluarga tanpa gaji

BE 2015: 1,802 orang
BE 2010: 1,162 orang

3


Pekerja bergaji sambilan

BE 2015: 3,469 orang
BE 2010: 671 orang

Purata Gaji & Upah Setahun Pengusaha Kecil Mengikut Subsektor, 2010 & 2015

Subsektor	2010			2015		
	Jumlah pekerja bergaji	Gaji & upah (RM juta)	Purata gaji & upah setahun (RM)	Jumlah pekerja bergaji	Gaji & upah (RM juta)	Purata gaji & upah setahun (RM)
Pertanian	23,702	310	13,079	69,623	1,224	17,580
Tanaman	18,235	227	12,449	53,696	898	16,724
Ternakan	1,607	24	14,935	5,240	105	20,038
Perhutanan & pembalakan	1,060	17	16,038	4,451	96	21,568
Perikanan	2,800	42	15,000	6,236	125	20,045

Pada BE 2015, majoriti pengusaha kecil beroperasi mengikut tahun operasi 5-14 tahun (40.8%), 15-24 tahun (25.5%) dan Kurang daripada 5 tahun (12.5%).



3

Sumber pembiayaan

Bagi tujuan memperoleh pembiayaan untuk menjalankan perusahaan, sebahagian besar pertubuhan akan mendapatkannya daripada pelbagai sumber.

Bilangan sumber pembiayaan


Sumber	2010	2020
1	1,159	3,335
2	483	895
3	228	430

3 sumber utama pembiayaan

- 1 Pendapatan terkumpul/dana dalaman/sumbangan daripada pemegang saham/simpanan peribadi tuan punya perniagaan.
- 2 Pembiayaan daripada bank.
- 3 Pinjaman daripada rakan-rakan atau saudara-mara.

Tujuan utama pembiayaan ini adalah untuk Modal kerja dan Penambahbaikan/naik taraf proses pengeluaran.

Bantuan nasihat atau teknikal yang diterima oleh pengusaha kecil pada BE 2015



Pengiktirafan yang diterima oleh pengusaha kecil pada BE 2015

Sejumlah 386 Pengusaha kecil telah menerima pengiktirafan dengan sumbangan sebanyak 45.6 peratus berbanding jumlah keseluruhan pengiktirafan dalam PKS.

Jenis pengiktirafan	PKS	Pengusaha kecil	Peratus sumbangan
Tempatan	664	302	45.5
Antarabangsa	136	64	47.1
Halal	46	20	43.5
Jumlah	846	386	45.6

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

